



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**SEMPENA KONVOKESYEN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG KE-14**

PADA

**16 NOVEMBER 2019 [SABTU]
BERSAMAAN 19 RABIUL'AWAL
1441 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

GAMBANG, PAHANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

1. YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI WAN ROSDY WAN ISMAIL, MENTERI BESAR PAHANG;
2. YANG BERHORMAT DR. MASZLEE MALIK, MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA;
3. YANG AMAT MULIA KERABAT-KERABAT BERGELAR DAN AHLI-AHLI JUMAAH PANGKUAN DIRAJA NEGERI PAHANG;
4. YANG HORMAT DATO' SRI IBRAHIM AHMAD, PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG;
5. YANG BERBAHAGIA PROFESOR IR. DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF, NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG;

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN AHLI-AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG;

PARA IBU BAPA DAN GRADUAN;
SIDANG HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, SAYA MERAFAKKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA; KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA, DAPAT SAYA SEKALI LAGI BERANGKAT KE UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG YANG KE-14 PADA PAGI INI.

PERTAMA-TAMA-NYA, SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA 3,782 GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-14. TAHNIAH JUGA SAYA RAKAMKAN KEPADA PARA IBU BAPA DAN TENAGA PENDIDIK DI ATAS KEJAYAAN INI.

PADA KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRO-CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG YANG BAHARU DILANTIK IAITU KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH DAN YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SRI ABI MUSA ASA'ARI BIN MOHAMED NOR.

SEKALUNG TAHNIAH JUGA KEPADA DATO' SRI MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB YANG TELAH DIANUGERAH-KAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH TEKNOLOGI MAKLUMAT.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

SAYA AMAT BERSYUKUR DAN BERBANGGA DENGAN PERKEMBANGAN SERTA PENCAPAIAN UNIVERSITI INI DALAM PELBAGAI BIDANG. KEJAYAAN INI SUDAH TENTULAH BERJAYA DICAPAI HASIL DARIPADA TADBIR URUS YANG CEMERLANG DAN PERANCANGAN YANG HOLISTIK.

SELARAS DENGAN FOKUS TERKINI PENDIDIKAN TINGGI NEGARA YANG BERTERASKAN PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL ("TVET") MAKA SAYA MENYERU UNIVERSITI INI UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PRO-AKTIF DALAM MENJAYAKAN AGENDA INI.

SAYA BERHARAP AGAR UNIVERSITI INI AKAN DAPAT MEMBERIKAN PERHATIAN YANG SERIUS TERHADAP PEMBANGUNAN DALAM BIDANG KECERDASAN BUATAN ATAU "ARTIFICIAL INTELLIGENCE" YANG MAMPU MELONJAKKAN NEGARA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

SAYA YAKIN MELALUI KERJASAMA ERAT YANG TELAH TERJALIN DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DENGAN PIHAK INDUSTRI DALAM DAN LUAR NEGARA; AKAN BERUPAYA MEMPERKUKUHKAN LAGI PERANAN UNIVERSITI DALAM MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG MAMPU MEMENUHI KEPERLUAN NEGARA.

SAYA TELAH DISEMBAH MAKLUM BAHAWA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AKAN MELANCARKAN YAYASAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG PADA AWAL TAHUN HADAPAN. YAYASAN INI BERTUJUAN UNTUK MENDAPAT DANA BAGI MEMBANTU RAKYAT YANG KURANG BERKEMAMPUAN MENDAPAT PELUANG PENDIDIKAN DI SAMPING TURUT MENYEDIAKAN KEMUDAHAN UNTUK MENIMBA ILMU DI UNIVERSITI INI.

PERKARA INI ADALAH MERUPAKAN SATU USAHA MURNI YANG WAJAR DIBERIKAN PUJIAN SERTA SOKONGAN OLEH SEMUA PIHAK.

NAMUN DEMIKIAN, UNIVERSITI INI TIDAK BOLEH HANYA BERGANTUNG KEPADA SUMBANGAN BAGI MENINGKATKAN LAGI PRESTASI-NYA. SEBALIKNYA USAHA GIGIH PERLULAH DILAKUKAN BAGI Mencari RAKAN STRATEGIK BARU DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGI KEUPAYAAN UNIVERSITI INI AGAR IANYA MAMPU BERSAING SETANDING DENGAN UNIVERSITI TERNAME LAIN, SAMA ADA DI PERINGKAT NASIONAL MAHUPUN GLOBAL.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIH SEKALIAN.

MENGAKHIRI TITAH, SAYA MENYERU KEPADA PARA GRADUAN AGAR SENTIASA MENGGUNAKAN ILMU DAN PENGALAMAN YANG TELAH DIPEROLEHI BAGI MEMANFAATKAN PELUANG YANG DIBERIKAN UNTUK MENCIPTA KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR DI MASA HADAPAN.

HAKIKATNYA, DI BAHU PARA GRADUAN SEKALIAN TERLETAK AMANAH YANG PERLU DI GALAS BAGI MENCORAK MASA DEPAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

JUSTERU, JADILAH WARGANEGARA YANG SENTIASA MENYUMBANG KE ARAH KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA KITA YANG TERCINTA INI.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته